

PELAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

Pelan Tindakan Penambahbaikan (PTP) adalah pelan yang disediakan selepas mengenal pasti aspek-aspek yang memperoleh skor kurang 80% dan perlu diberi keutamaan untuk penambahbaikan.

Pengurusan IPMa perlu mengadakan mesyuarat dan melantik pegawai yang bertanggungjawab bagi menyusun strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang disertai dengan PTP seperti tertera dalam MMS. Sumber-sumber seperti keperluan tenaga manusia, kewangan dan alatan perlu dikenal pasti oleh pihak pengurusan bagi menjayakan strategi berkenaan dalam tempoh pelaksanaan yang ditetapkan.

Pada akhir pelaksanaan strategi tersebut, analisis pencapaian PTP perlu dilakukan bagi mengenal pasti tindakan susulan lain yang perlu dilaksanakan. Kaedah SWOT boleh diguna pakai dalam hal ini. Jika pencapaian strategi tidak seperti yang disasarkan, penambahbaikan yang seterusnya adalah berdasarkan kepada tindakan susulan tersebut. Proses PTP perlu dilakukan secara berterusan sehingga mencapai standard amalan yang ditetapkan.